


Cagamas terbitkan CCP tiga bulan RM500 juta

Cagamas Bhd mengumumkan terbitan Kertas Komersial Konvensional (Conventional Commercial Papers) (CCP) tiga bulan bernilai RM500 juta yang mana hasilnya akan digunakan untuk membiayai pembelian pajakan daripada sistem kewangan.

“Di sebalik aktiviti pasaran yang pasif disebabkan oleh ketidakpastian geopolitik global yang berlarutan, Cagamas berjaya meletakkan harga terbitan RM500 juta CCP-nya agak kompetitif, separas dengan kadar penanda aras Kadar Tawaran Antara Bank Kuala Lumpur (KLIBOR) tiga bulan dalam pesisir,” kata Presiden/Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Chung Chee Leong, dalam satu kenyataan, semalam.

CCP RM500 juta itu adalah terbitan kelima syarikat berkenaan untuk tahun ini, yang berjumlah



RM1.9 bilion diterbitkan daripada program CCP/ICP mata wang tempatan RM20 bilion sedia ada.

Sokongan berterusan

“Terbitan itu menunjukkan sokongan berterusan syarikat berkenaan terhadap pasaran bon mata wang tempatan melalui terbitan nota jangka pendek gred tinggi bagi memenuhi permintaan yang meningkat daripada kumpulan pelbagai pelabur,” kata

Chee Leong.

Kertas berkenaan, yang akan ditebus pada nilai nominal penuh apabila matang, adalah obligasi tidak bercagar syarikat, pada kedudukan berkadaran dengan langkah yang sama (pari passu) antara mereka dan dengan semua kewajipan tidak bercagar sedia ada syarikat. Ia akan disenaraikan dan didagangkan di bawah Sistem Dagangan Sekuriti Tanpa Skrip.

BERNAMA



Terbitan itu menunjukkan sokongan berterusan syarikat terhadap pasaran bon mata wang tempatan”

Chung Chee Leong,
Presiden/Ketua Pegawai
Eksekutif Cagamas Bhd